

BAHAGIAN KESELAMATAN, UTM, SKUDAI, JOHOR.

PANDUAN KONTRAKTOR – PEMILIKAN TAPAK.

1. Kontraktor/ Pekerja di kehendaki mengambil Pas Harian di Kaunter Kawalan Pintu Utama atau di mana-mana Pos kawalan keselamatan UTM setiap hari ketika hendak masuk ke dalam kampus UTM Johor Bahru tanpa gagal dan mengembackkan semula di pintu kawalan yang sama.
2. Pekerja yang di ambil bekerja dengan Syarikat, Kontraktor hendaklah menentukan pekerja-pekerja terbahagi **MEMILIKI DOKUMEN / PERMIT KERJA/VISA YANG SAH (TIDAK TAMAT TEMPUH)**
3. *Pemakaian PAS Keselamatan oleh Kontraktor/ Pekerja di MESTIKAN* semasa berada di dalam kawasan kampus. Kegagalan Kontraktor/ Pekerja mematuhi Peraturan Keselamatan membolehkan kerja-kerja yang akan dijalankan terganggu ketika pemeriksaan di adakan oleh pihak Keselamatan atau pihak berkuasa dari mana-mana Agensi Penguatkuasaan Kerajaan Malaysia dari masa kesemasa.
4. Sebarang kehilangan/kerosakan Pas Keselamatan oleh pengguna hendaklah segera laporkan di Pejabat Bahagian Keselamatan UTM akan dikenakan bayaran RM10.00 (Rgt: Sepuluh sahaja)
5. Kontraktor/ Pekerja yang hendak menjalankan sebarang kerja adalah dikehendaki melaporkan / berurusan dengan Pegawai yang berkenaan, Pejabat Pentadbiran mana-mana Fakulti/ Kolej berkaitan bagi mendapatkan kebenaran sebelum apa-apa jua kerja-kerja ubahsuaai atau pembinaan yang hendak dijalankan dalam kawasan fakulti/ kolej dan apa-apa jua kerja kecemasan yang hendak dilakukan pada waktu pejabat atau *selepas waktu pejabat hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Penyelaras Projek yang telah di beri kuasa oleh Pejabat Harta Bina UTM, dan melaporkan kepada Pegawai Keselamatan Bertugas di Bahagian Keselamatan melalui surat/lisan @telefon. Bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan berlaku demi kebaikan bersama.*
6. **PAS KESELAMATAN**
Senarai nama-nama pekerja berserta gambar terkini dan nombor pendaftaran kenderaan tersebut hendaklah di kemukakan dalam tempuh 2 minggu sebelum kerja-kerja di dalam kampus di mulakan.
 - i) Pemohon di kehendaki mengemukakan salinan surat tawaran kerja/kontrak/permit kerja/dokumen dokumen lain yang bersangkutan. Kerja-kerja dibanggunan tinggi hendaklah mengisi Borang PTW yang didapati di Pejabat Harta Bina, bagi pekerja – pekerja (Arked Sajian Makanan) adalah dimestika mendapat suntikan terlebih dahulu daripada Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan atau Klinik yang iktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
 - ii) Pemohon di kehendaki mengepilkan dua (2) keping gambar berukuran pasport dan satu salinan ka pengenalan bersama borang yang telah lengkap ke Pejabat Keselamatan. Disertakan Borang PTW atau salinan suntikan kesihatan.
 - iii) Pemohon di kehendaki mendapatkan tandatangan dan cop pengesahan dari Ketua Bahagian/Pihak yang berkenaan yang bertanggungjawab.

- iv) Sekiranya pemohon adalah warga asing, borang permohonan hendaklah disertakan salinan permit kerja dan passport yang sah tempoh.
- v) Untuk memperbaharui pas, pemohon dikehendaki mengikut para (i), (ii – gambar 1 keping sahaja) dan (iii). Permohonan mestilah dibuat sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tamat tempoh pas berkenaan dan dikepilkan bersama permohonan baru.
- vi) Permohonan pelekat kenderaan hendaklah dibuat setelah pas masuk kampus telah disiapkan terlebih dahulu. Borang permohonan tersebut dikepilkan dengan satu salinan pas masuk kampus pemohon.

Tempoh 1 hingga 6 bulan Minimum 2-3 bulan	Tempoh 6 hingga 12 bulan
RM 5.00 @ 1 keping	RM 10.00 @ 1 keping

7. **Mengistiharkan Peralatan/barang** yang di bawa masuk /keluar atau ke dalam dari luar Kampus dan mengemukakan salinan senarai nama barang-barang yang di bawa masuk atau keluar yang hendak dikeluarkan oleh pihak Kontraktor serta disahkan oleh pihak yang berkenaan (Pegawai Penyelaras Projek atau yang berkenaan) yang mengawal selia projek yang di jalankan dari masa kesemasa untuk rujukan Bahagian Keselamatan.
8. **Senantiasa memberikan kerjasama kepada pihak Keselamatan Universiti di dalam menjalankan tugasnya.** Mematuhi Peraturan lalu lintas di dalam kampus
9. Jika jika berlaku kejadian seperti kemalangan atau lain-lain (**JENAYAH/ KEBAKARAN YANG MEMERLUKAN BANTUAN KESELAMATAN**) hendaklah segera menghubungi **PEGAWAI BERTUGAS BALAI KESELAMATAN UTM di talian 07-5530014/ 07-5531277(24 jam)** sebelum menghubungi pihak berwajib agensi kerajaan seperti Polis dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk tindakan selanjutnya.
10. **Kerja-kerja yang dijalankan melebihi waktu pejabat**, hendaklah mendapat kebenaran bersurat daripada pihak berkenaan (**Pegawai Penyelaras Projek yang telah di beri kuasa oleh Pejabat Harta Bina UTM**) perlu diserahkan kepada Bahagian Keselamatan UTM sebelum kerja di dilaksanakan.
11. **Mematuhi peraturan dan melaksanakan langkah-langkah Keselamatan di tapak bina/kerja.**
12. Menyerahkan salinan Nama/Carta Organisasi yang lengkap dan mempunyai no. telefon kepada pihak Keselamatan untuk rujukan.
13. Menjaga etika kesopanan dan cara berpakaian di dalam kampus.
14. Tidak di benarkan menggunakan/ memasuki bilik air Wanita/Siswi (Jika Pekerja Lelaki) di mana-mana bilik penginapan di dalam kampus tanpa sebab yang munasabah.
15. Tidak merokok di kawasan kampus.
16. Tidak menyalahguna dadah atau meminum minuman keras.

Bahagian Keselamatan UTM
 Johor Bahru
 Johor
 07-5530014 UTM Johor Bahru